

<input checked="" type="checkbox"/> Harian Metro
<input type="checkbox"/> Metro Ahad
Tarikh: <u>3/3/2011</u>
Hari: <u>KHAMIS</u> M/S: <u>R2</u>
Ruangan: <u>RAP</u>

Finas ambil alih penjurian

Wujudkan ketelusan, elak kontroversi pada FFVP ke-8 di UUM

>>Oleh Elrafaei Sapi
ahmadelrafaei@hmetro.com.my

PENGANJURAN Festival Filem & Video Pelajar (FFVP) sejak 2003 menjadi agenda penting dalam membangun perfilaman tanah air ke arah pencapaian terbaik hingga diliktif ke peringkat antarabangsa.

Berbeza dengan senario bakat artis dicungkil menerusi uji bakat atau program realiti, sebaliknya bilangan graduan dalam bidang seni ini tidak seharusnya diketepikan. Pengetahuan mereka menerusi ilmu akademik seharusnya digunakan sebaik mungkin dalam meningkat kualiti seni tempatan.

Menyedari kepentingan ini, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (Finas) terus bekerjasama dengan institusi pengajian tinggi (IPT) mengajurkan acara kali kelapan ini. Pada tahun ini, Universiti Utara Malaysia (UUM) dipilih secara

bergilir untuk menjadi pengajar dan tuan rumah.

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Finas, Fatimah Ahmad, berkata sambutan yang diterima dari aspek penyertaan cukup menggalakkan termasuk pelajar jurusan lain seperti kursus pergigian.

"Sememangnya kreativiti mereka tidak terhad pada pelajar bidang perfilaman semata-mata. Mengikut Dasar Filem Negara (DFN), Finas berhasrat mencungkil bakat baru dan muda agar menghasilkan filem yang dianggap kreatif.

"Menerusi acara sebegini, ia memberi pengiktirafan pada karya pelajar yang terbaik. Acara ini menjadi kedua terpenting selepas Festival Filem Malaysia (FFM)," katanya pada sidang media FFVP8 di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Fatimah berkata, FFVP8 kali ini membawa tema Cendekia Sinema Ke Persada Dunia, yang dipilih sesuai dalam usaha pembangunan modal insan. Acara ini diadakan selama



KERJASAMA....Mohamed Mustafa (tiga dari kiri), Fatimah (empat dari kanan) bersama pelakon dan AJK FFVP8 pada sidang media di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

lima hari bermula 2 Mac lalu. Kemuncak, Malam Anugerah FFVP8 akan diadakan di Dewan Mu'adzam Shah, UUM, Sintok, Kedah pada 5 Mac ini.

"Penjurian diambil alih Finas untuk mewujudkan ketelusan dan mengelak kontroversi. Pengajar juga bermatlamat

din, Datuk Aziz Sattar, Datuk Mustapha Maarof dan Harun Salim Bachik akan hadir memberi inspirasi kepada pelajar," katanya.

Naib Canselor, UUM, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Is-hak, berkata, acara ini menjadi usaha penting dan permulaan dalam menyedarkan masyarakat mengenai potensi hasil karya pelajar.

"Sebanyak 157 penyertaan diterima membabitkan 28 IPT bertanding dalam 17 kategori. Adanya acara seperti ini, ia menandakan kita perlu memperbanyak sekolah perfilaman agar hasil pelajar berkualiti dipertingkatkan," katanya.

Presiden Persatuan Seniman Malaysia (Seniman), Harun Salim Bachik pula menyatakan, pihaknya bersedia bekerjasama dengan pengajar FFVP8 menyemarak aktiviti yang diadakan. Katanya, menjadi harapan Seniman melihat karya pelajar ini dapat dipasarkan ke luar negara selepas

acara ini.

"Saya berbangga dengan hasil karyawan muda yang semakin mahir menggunakan teknologi seperti imej janaan komputer (CGI) dan animasi. Ini menandakan industri kreatif negara makin berkembang," ujarnya.

Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr Rais Yatim dijangka merasmikan malam anugerah nanti. Sebanyak lapan hadiah kategori hadiah utama dan sembilan hadiah iringan mendekati pemenang.

Untuk kategori hadiah utama, pemenang Filem/Video Terbaik Keseluruhan akan membawa pulang wang tunai sebanyak RM1,500 bersama trofi dan sijil penghargaan. Begitu juga, Filem/Video Pendek Terbaik termasuk Dokumentari, Iklan, Animasi, Pengumuman Khidmat Awam dan Klip Video Terbaik, masing-masing akan membawa wang tunai RM1,000 bersama trofi dan sijil.